

BAB EMPAT
PERBANDINGAN KONSEP GHALAT DI ANTARA FIQH,
UNDANG-UNDANG KONTRAK MALAYSIA DAN UNDANG-
UNDANG SIVIL MESIR 1949

BAB EMPAT

PERBANDINGAN KONSEP *GHALAT* DI ANTARA FIQH, UNDANG-UNDANG KONTRAK MALAYSIA DAN UNDANG- UNDANG-UNDANG SIVIL MESIR 1949

Bahagian ini membincangkan beberapa titik persamaan dan perbezaan antara Undang-undang muamalat Islam, Undang-undang Sivil Mesir 1949 dan Akta Kontrak Malaysia 1950. Aspek perundangan Islam telah dibincangkan di bab yang lalu manakala dalam bab ini penekanan akan diberikan kepada aspek perbandingan dan analisis.

4.1. Perbezaan Definisi

Tidak ada satu takrifan *ghalat* yang jelas dalam Undang-undang Kontrak Malaysia maupun undang-undang Inggeris. Perundangan Inggeris hanya mengaitkan *ghalat* ini dengan remedii atau pembetulan dan ia sebenarnya lebih sempit dari yang difahami umum.¹ Ketiadaan definisi tersebut dapat dilihat dalam Undang-undang Kontrak Malaysia yang hanya menerangkan contoh-contoh khilaf serta akta tersebut dalam seksyen 21, 22 dan 23. Dalam seksyen 21 memperuntukkan:

“Di mana kedua-dua pihak adalah khilaf mengenai sesuatu perkara fakta yang mustahak untuk perjanjian itu, maka perjanjian itu adalah batal.”

Dalam seksyen 22 memperuntukkan:

“Sesuatu kontrak bukan boleh batal kerana ianya disebabkan oleh khilaf mengenai mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Persekutuan; tetapi khilaf mengenai undang-undang yang tidak berkuatkuasa di Persekutuan mempunyai kesan yang sama seperti khilaf mengenai fakta.”

Dalam seksyen 23 pula memperuntukkan:

“Sesuatu kontrak bukan boleh batal semata-mata kerana ia di sebabkan oleh salah satu pihaknya yang khilaf mengenai suatu perkara fakta.”

Para penulis Undang-undang Kontrak Malaysia seperti Awthar Singh, Visu Sinnadurai, Salleh Buang, Wu Min Aun dan Syed Ahmad S.A. Al-Sagoff juga tidak memberi satu takrifan yang jelas mengenai *ghalat*. Ini berkemungkinan mereka menganggap bahawa penerangan secara definisi merupakan metod klasik atau mereka merasakan ia dapat difahami melalui kes-kes yang diketengahkan. Walaubagaimanapun *ghalat* perlu mempunyai satu takrifan yang jelas samada dalam akta atau dibuat oleh penulis undang-undang itu sendiri.

Ini berbeza dengan para sarjana Islam yang memberikan satu takrifan yang jelas mengenai *ghalat* dalam penulisan mereka seperti yang dibincangkan dalam bab dua halaman 24 dan 25. Manakala Abd Razzaq Ahmad al-Sanhur i pula memberikan definisi yang sama dalam Undang-undang Sivil Mesir 1949 dengan perundangan Islam. Ini berkemungkinan

berlaku kerana beliau cuba untuk menerapkan seberapa banyak unsur-unsur Islam dalam perundangan sivil Mesir 1949.

4.2. Perbezaan Pembahagian *Ghalat*

Dalam Undang-undang muamalat Islam *ghalat* dibahagikan kepada empat seperti yang dibincangkan dalam bab tiga halaman 33. Undang-undang Sivil Mesir pula membahagikan *ghalat* kepada lima bahagian. Antaranya:² (i) *ghalat* yang jelas pada sifat barang,(ii) *ghalat* pada individu,(iii) *ghalat* pada harga (iv) *ghalat* pada *al-ba`ith* dan (v) *ghalat* pada undang-undang.

Manakala undang-undang kontrak Malaysia membahagikan *ghalat* kepada dua iaitu:³ silap operatif dan silap tidak beroperatif. Silap operatif ialah kesilapan yang berkesan untuk menghalang satu kontrak yang sah. Silap tidak operatif pula ialah kesilapan tersebut tidak berkesan untuk menghalang pembentukan satu akad kontrak yang sah. Silap operatif terbahagi kepada tiga iaitu:⁴ (i) silap fakta tentang identiti perkara kontrak, (ii) silap fakta tentang kewujudan perkara kontrak dan (iii) silap fakta tentang jenis dokumen.

Silap tidak operatif terbahagi kepada empat iaitu:⁵ (i) silap satu pihak mengenai fakta kes,(ii) silap undang-undang,(iii) silap fakta tentang mutu barang kontrak dan (iv) silap tentang identiti pihak lain.

Berdasarkan pembahagian yang dibuat oleh tiga aliran di atas menunjukkan bahawa undang-undang Malaysia lebih terkini, semasa dan menyeluruh kerana pembahagiannya agak ditul dan luas. Ini berbeza dengan perundangan Sivil Mesir dan undang-undang muamalat Islam sendiri yang membahagikan *ghalat* kepada empat dan lima bahagian sahaja. Tetapi sebenarnya ketiga-tiga perundangan tersebut mempunyai perbezaan dari segi prinsip dan kesan yang berlainan pada *ghalat*.

Kekurangan pada pembahagian *ghalat* dalam undang-undang muamalat Islam tidak semestinya menggambarkan kekurangan dalam fiqh Islam itu sendiri. Bahkan kita perlu menerima kekurangan tersebut dan mengambil dari mereka kelebihan yang ada selagi tidak berlawanan dengan prinsip-prinsip Islam.

4.2.1. *Ghalat* Pada Barang

Dalam undang-undang muamalat Islam, *ghalat* pada barang telah dibincangkan dalam bab tiga dari segi pembahagian dan hukumnya. Manakala Undang-undang Sivil Mesir 1949 hanya mempunyai satu

penyelesaian sahaja terhadap *ghalat* pada barang iaitu ia boleh dibatalkan (*q abil lil al-ibt al-*). Akad boleh batal ialah satu akad yang mempunyai rukun yang sempurna untuk membentuk satu akad yang memberi kesan kepada dua-dua pihak tetapi kecacatan kecil berlaku pada salah satu rukun yang boleh membatalkan akad tersebut. Oleh itu, akad yang boleh batal sudah terbentuk di awal-awal lagi tetapi ia boleh dibatalkan.⁶

Undang-undang Sivil Mesir 1949 yang mempunyai peruntukan khusus mengenai *ghalat* pada barang ini dalam artikel 120 memperuntukkan:

“Apabila orang yang berakad berada dalam kesilapan yang jelas (*ghalat jawhar i*) harus baginya menuntut supaya akad dibatalkan.”

Ghalat Jawhar i seperti yang diperuntukkan dalam artikel 121 (1) ialah:

“Apabila sampai had yang boleh menghalang orang yang berakad dari mengakui kontrak jika tidak berlaku *ghalat* tersebut.”

Manakala dalam artikel 121(2) pula memperuntukkan maksud *ghalat jawhar i* sebagai:

“*Ghalat Jawhar i* diambil kira terutama: (1) apabila *ghalat* berlaku pada sifat sesuatu barang yang dikira jelas pada pandangan kedua-dua orang yang berakad. Atau wajar menganggapnya sedemikian meskipun diselubungi dengan beberapa keadaan dan bermuamalah dengan niat yang baik (2) apabila berlaku pada barang yang diakad atau pada salah dan satu sifat barang di mana barang dan sifat tersebut merupakan faktor utama akad dibentuk.”

Berdasarkan kepada dua artikel di atas menunjukkan bahawa *ghalat* pada barang disebut sebagai *ghalat jawhar i*⁷ dalam Undang-undang Sivil Mesir. Terdapat beberapa kes Mahkamah Mukhtalitah Mesir⁷ yang membincangkan mengenai *ghalat*. Antara kes-kes tersebut ialah:⁸

Pertama, Mahkamah memutuskan bahawa permit yang diberi oleh kerajaan untuk mengusahakan tanah yang dikatakan hanya mempunyai simpanan yang garam yang terlalu sedikit boleh dibatalkan apabila didapati tanah tersebut mempunyai simpanan garam yang banyak dan mudah diusahakan.⁹

Kedua, Mahkamah juga memutuskan bahawa penjualan saham-saham syarikat yang dibatalkan oleh mahkamah boleh dibatalkan pembeliannya kerana *ghalat* yang berlaku pada pembeli hanya mengenai sifat luaran sesuatu barang.¹⁰

Manakala dalam Undang-undang Kontrak Malaysia, *ghalat* atau silap barang dihuraikan mengikut seksyen 21 yang memperuntukkan:

“Di mana kedua-dua pihak perjanjian adalah khilaf mengenai sesuatu perkara fakta yang mustahak untuk perjanjian itu, maka perjanjian tersebut adalah batal.”

Berdasarkan peruntukan ini menunjukkan bahawa tidak ada *free consent* di antara kedua belah pihak.¹¹ Tetapi peruntukan ini menjelaskan

bahawa kekhilafan ini mesti berlaku dari kedua-dua belah pihak yang membuat akad. Terdapat satu kes Inggeris yang terkenal, *Raffles v. Wickehau*,¹² kedua-dua pihak bersetuju menjual dan membeli kapas yang tiba ke London dalam sebuah kapal yang bernama The Peerless yang belayar dari Bombay. Tanpa pengetahuan kedua-dua pihak pihak, sebenarnya ada dua buah kapal yang mempunyai nama yang serupa yang berlayar dari Bombay, tetapi pada masa yang berlainan. Pembeli bermaksudkan kapal yang sebuah itu tetapi penjual bermaksud kapal yang satu lagi. Kontrak jualan itu adalah batal kerana kesilapan seumpama ini merupakan satu halangan untuk mewujudkan satu kontrak disebabkan tidak ada satu kontrak sebenarnya yang berlaku.¹³

Oleh itu berdasarkan peruntukan dalam seksyen 21 menunjukkan bahawa kontrak terbatal jika berlaku kekhilafan disebabkan *ghalat* pada barang atau silap fakta tentang kewujudan perkara kontrak. Manakala menurut undang-undang muamalat Islam pula akad dalam kes tersebut juga batal kerana kekhilafan yang berlaku pada jenis barang iaitu kapal yang berlainan meskipun mempunyai nama yang serupa. Huraian di atas menunjukkan ketiga-tiga sistem perundangan mempunyai pendapat yang berbeza dalam permasalahan *ghalat* pada barang yang memperlihatkan undang-undang Syariah lebih dititik dalam hal ini.

4.2.2. ***Ghalat*** Pada Individu

Dalam Undang-undang Sivil Mesir 1949 menyatakan ***ghalat*** pada individu tidak memberi kesan pada akad kontrak kecuali ***ghalat*** tersebut berlaku pada orang yang berakad atau sifat-sifatnya. Malahan individu dan sifatnya merupakan eleman utama yang membentuk kontrak.

Perkara ini dapat dilihat dalam artikel 121 (2) (B) Undang-undang Sivil Mesir yang menyatakan:

“***Ghalat*** dikira nyata jika berlaku pada individu yang melakukan kontrak atau di antara sifat-sifatnya di mana kedua-duanya merupakan faktor utama yang mendorong akad dibentuk.”

Oleh itu Undang-undang Sivil Mesir menegaskan bahawa ***ghalat*** pada individu atau di antara sifat-sifatnya boleh dibatalkan (*q abilun lil al-ibt̄ al-*)

Manakala dalam Undang-undang muamalat Islam menegaskan bahawa akad yang sedemikian rupa adalah batal. Manakala pendapat yang kedua menyatakan bahawa akad tersebut boleh difasakhkan sahaja.

Manakala Undang-undang Kontrak Malaysia meletakkan bahagian ini dalam bahagian khilaf satu pihak tentang identiti pihak yang lain. Katakanlah A ingin mengupah B, seorang pelukis terkenal untuk melukis

potret anak kecil A. A, kemudiannya membuat kontrak dengan C, kerana A menyangka bahawa C itu adalah B kerana wajah mereka hampir sama sahaja. C tahu bahawa A sebenarnya hendak berkontrak dengan B, bukan dengannya. Dalam keadaan demikian, A boleh meminta mahkamah membatalkan kontraknya dengan C, jika A boleh membuktikan bahawa¹⁴ identiti B itu amat penting kepada kontrak, C sedar bahawa dia bukan pihak yang dikehendaki oleh A dan A telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengenalpasti identiti orang yang ia berurusan itu.

Walaubagaimanapun keputusan mahkamah Inggeris dalam beberapa kes mengenai hal ini adalah bertentangan antara satu sama lain dan amat sukar untuk dijadikan ikutan yang konsisten.

Dalam kes *Cundy v. Lindsay*,¹⁵ seorang yang bernama Alfred Blenkarn telah membuat pesanan barang tertentu dari respondan, dengan bertindak sedemikian seolah-olah ia adalah dari Blenkarn & Co. sebuah syarikat yang dikenali ramai. Barang-barang berkenaan telah dihantar kepada Blenkarn tetapi ia gagal membayarnya. Blenkarn kemudian menjual barang-barang tersebut kepada perayu. Respondan menuntut balik barang-barang tersebut atau nilainya dari perayu. Diputuskan oleh House of Lords bahawa respondan sebenarnya mahu berurusan dengan Blenkarn & Co. dan perkara ini diketahui oleh Blenkern. Oleh yang demikian, satu kontrak yang sah tidak wujud dan batal¹⁶ serta hak milik barang-barang tersebut tetap kekal pada respondan.

Menurut undang-undang muamalat Islam akad tersebut adalah batal sama seperti yang diputuskan oleh House of Lords kerana kesilapan yang ketara pada individu.

Manakala dalam kes *Lewis v. Averay*,¹⁷ Lord Denning yang menghakimi kes tersebut berkata:¹⁸

“ Saya tidak setuju dengan teori bahawa silap tentang identiti menjadikan sesuatu kontrak itu tidak sah. Saya fikir prinsip yang betul ialah keputusan mahkamah ini dalam kes *King's Norton Metal Co v. Edridge, Merett & Co.* dan keputusan Harridge J dalam kes *Philip v. Brooks* yang telah kekal selama kira-kira 50 tahun yang lalu. Dalam kes ini; apabila dua pihak bersetuju membuat kontrak, fakta bahawa satu pihak tersilap tentang identiti pihak yang lain tidaklah bermakna bahawa tidak wujud kontrak atau bahawa kontrak itu batal dan tidak sah dari mula. Ia cuma bermakna bahawa kontrak tersebut menjadi boleh batal, iaitu boleh diketepikan atas pilihan orang yang ‘tersilap itu jika ia berbuat demikian sebelum pihak ketiga memperolehi hak ke atas barang-barang itu secara suci hati.”

Oleh itu, berdasarkan kepada huraian di atas menunjukkan bahawa Undang-undang Kontrak Malaysia boleh dibatalkan berbanding dengan Undang-undang Kontrak Inggeris yang boleh batal atau batal. Berdasarkan dari ketiga-tiga perundangan tersebut menunjukkan bahawa Undang-undang muamalat Islam menetapkan batal sebagai penyelesaian kepada *ghalat* pada individu. Manakala Undang-undang Sivil Mesir 1949 menetapkan bahawa kontrak tersebut boleh batal.

4.2.3. *Ghalat* Pada Harga

Menurut Undang-undang Sivil Mesir, *ghalat* pada nilai harga boleh menyebabkan sesuatu akad boleh dibatalkan jika harga tersebut merupakan faktor utama akad dibentuk.¹⁹ Contohnya seperti seseorang yang menjual saham dengan harga semasa, sedangkan ia tidak mengetahui saham tersebut telah memperolehi keuntungan yang besar. Dalam keadaan sedemikian, ia mempunyai hak untuk membatalkan akad disebabkan kesilapan yang berlaku pada harga barang.

Satu contoh dari mahkamah Mukhtalith Mesir mengenai satu kes perdagangan.²⁰ Tuan punya barang telah bersetuju dengan tuan kapal bahawa barang penghantaran barang ditentukan samada berdasarkan kepada saiz barang atau berat, yang akan ditentukan oleh tuan kapal. Tuan kapal tersebut memilih untuk mengikut harga saiz kapal di mana harga tersebut lebih mahal lapan kali ganda dari harga mengikut berat barang. Tetapi tuan punya kapal telah mengetahui hakikat tersebut kerana sebelum ini ia menolak satu perjanjian yang dibuat dengan syarikat perkapalan lain yang menawarkan harga yang lebih rendah. Oleh itu tuan punya barang harus menuntut supaya kontrak dibatalkan.²¹

Undang-undang Kontrak Malaysia pula metelakkan khilaf pada harga dalam khilaf tentang mutu barang. Contohnya, Ahmad telah ke sebuah kedai yang menjual barang-barang antik. Ia terpandang sebuah jam

dinding yang disangkakannya sebuah jam antik, lantas membayar dengan harga seribu ringgit. Sebenarnya jam tersebut hanya sebuah jam antik tiruan yang harganya paling tinggi tidak melebihi lima ratus ringgit.

Oleh itu, menurut Undang-undang Kontrak Malaysia, Ahmad tidak boleh membatalkan membatalkan kontrak tersebut atas alasan kesilapannya sendiri. Umumnya menurut Undang-undang Kontrak Malaysia kesilapan tersebut boleh dibatalkan. Tetapi dalam kes *Leaf v. International Galleries*,²² mahkamah enggan meluluskan keengganan plaintif kerana tidak ada kesilapan berlaku mengenai barang kontrak.

Manakala Undang-undang muamalat Islam menyatakan bahawa kesilapan tersebut boleh difasakhkan sepetimana pendapat ulama Malik i. Pendapat ini bersesuaian dengan Undang-undang Sivil Mesir. Oleh itu kes di atas menurut undang-undang muamalat Islam boleh difasakhkan.

4.2.4. ***Ghalat*** Pada Undang-undang

Dalam Undang-undang Sivil Mesir 1949 artikel 122 memperuntukkan:

“Sesuatu akad boleh dibatalkan disebabkan berlaku ***ghalat*** pada undang-undang apabila berlaku ***ghalat*** pada realiti, bersesuaian dengan dua artikel iaitu artikel 120 dan 121, ini selagimana undang-undang tidak memutuskan selain darinya.”

Contohnya seorang memberi pinjaman kepada orang lain dengan kadar faedah melebihi tujuh peratus sedangkan kadar faedah maksimum bagi pinjaman ialah tujuh peratus sahaja, sedangkan hal ini tidak diketahui oleh peminjam. Oleh itu peminjam tidak berhak untuk menuntut supaya dibatalkan pinjaman yang dibuat setelah mengetahui hal tersebut.²³

Oleh itu *ghalat* dalam Undang-undang Sivil Mesir 1949 tidak menerima *ghalat* dalam undang-undang sebagai satu keuzuran kerana ia dikategorikan sebagai polisi umum (*niz am al-`amm*). Tetapi *ghalat* yang berlaku selain dari polisi umum, diterima sebagai keuzuran dan boleh mengemukakan bantahan untuk mendapatkan hak supaya akad dibatalkan.²⁴

Begini juga dengan Undang-undang Kontrak Malaysia yang menyatakan bahawa silap undang-undang tidak boleh menjadi alasan untuk membatalkan kontrak. Dalam kes *Seck v. Wong & Lee*,²⁵ seorang kontraktor binaan telah meminta pelan kerja dari seorang arkitek. Ia telah dikenakan bayaran sebanyak \$500 bagi pelan tersebut. Wang ini telah dibayar tanpa mengetahui kedudukan undang-undang yang melarang bayaran sedemikian dituntut oleh arkitek dari Mahkamah Tinggi Singapura. Secara umumnya silap undang-undang tidak boleh dijadikan asas untuk plaintiff menuntut balik wang yang dibayarnya.

Walaubagaimanapun, berdasarkan keterangan yang dikemukakan mendapatinya bahawa defendant telah mengambil kesempatan mendapatkan

keuntungan kerana kejahilan plaintif. Oleh itu berdasarkan ekuiti, wang itu hendaklah dipulangkan semula.

Dalam kes *Serangoon Garden Estate Ltd v. Mariam Chye*,²⁶ satu kes dari Singapura, mahkamah memutuskan bahawa apabila satu dokumen mengandungi terma-terma kontrak telah ditandatangani, pihak yang menandatangani terikat dengan kontrak tersebut samada itu dibacanya atau tidak, melainkan jika berlaku penipuan atau salah nyata. Mahkamah juga memutuskan dalam kes ini duit telah dibayar disebabkan silap undang-undang dan oleh itu tidak boleh dituntut balik.

Undang-undang Kontrak Malaysia dan Undang-undang Sivil Mesir 1949 mempunyai peruntukan yang khusus mengenai khilaf pada undang-undang. Undang-undang Kontrak Malaysia memperuntukkannya dalam seksyen 22 manakala Undang-undang Sivil Mesir menyatakan *ghalat* pada undang-undang ini dalam artikel 122. Sebelum itu perlu diketahui bahawa sumber undang-undang Kontrak Malaysia berbeza dengan Undang-undang Sivil Mesir. Bagi perundangan Malaysia, keputusan-keputusan mahkamah yang lalu merupakan satu sumber perundangan di bawah doktrin stare decisis.²⁷

Berdasarkan pembahagian *al-jahf* yang dibincangkan oleh ulama Islam menunjukkan bahawa perkara-perkara yang bukan asas dan tetap dari al-Quran dan Sunnah boleh diberi kelonggaran dan dimaafkan. Tetapi jika

sesuatu perkara yang menjadi perselisihan ulama dan menjadi perundangan maka ia tidak dikira sebagai satu yang boleh dimaafkan.²⁸

Oleh itu undang-undang yang dikanunkan semestinya tidak menjadi satu keuzuran untuk perkara-perkara yang menjadi perselisihan di kalangan ulama sehinggalah dikanunkan mana-mana pendapat tersebut. Oleh itu *ghalat* yang berlaku pada Undang-undang Kontrak Malaysia boleh dimaafkan kerana ia bukanlah perkara-perkara yang menjadi perselisihan ulama Islam. Pada segi sumber undang-undang Malaysiapun, Islam bukanlah antara sumber perundangan yang disebut secara jelas. Oleh itu *ghalat* undang-undang dalam muamalat Islam lebih jelas jika dibandingkan dengan *ghalat* undang-undang pada Undang-undang Sivil Mesir dan Undang-undang Kontrak Malaysia. Tetapi pada asasnya, ketiga-tiga perundangan menetapkan bahawa kesilapan undang-undang tidak dikira sesuatu yang dimaafkan. Walaubagaimanapun perbezaan tetap wujud apabila dilihat kepada sumber perundangan yang berbeza.

4.3. *Ghalat* Satu Pihak Dan Dua Pihak

Di samping itu juga terdapat beberapa perkara yang perlu diketengahkan iaitu *ghalat* yang berlaku pada satu pihak atau kedua-dua belah pihak. Dalam perundangan Inggeris disebut sebagai *unilateral mistake* dan *mutual mistake*.

Dalam Undang-undang Kontrak Malaysia atau Akta Kontrak 1950 ada memperuntukkan kesilapan yang dibuat oleh satu pihak dalam seksyen 23 sebagai:

“Sesuatu kontrak bukan boleh batal semata-mata kerana ianya disebabkan oleh salah satu pihak yang khilaf mengenai perkara fakta.”

Seksyen ini menunjukkan bahawa kesilapan yang dibuat oleh satu pihak tidak boleh membatalkan kontrak yang dibuat.²⁹ Dalam sebuah kes *Tamplin v James*,³⁰ B membuat tawaran membeli sebuah kedai minuman keras yang dilelong dengan membuat kekhilafan bahawa sebuah padang termasuk dalam lot yang dilelongkan itu, sedangkan hal ini tidaklah benar. Dia berjaya dalam lelongan tersebut. Kontrak itu diputuskan oleh mahkamah sebagai sah.³¹

Kekhilafan yang dilakukan oleh kedua-dua belah pihak boleh menyebabkan kontrak itu batal³² seperti dalam seksyen 21:

“Di mana kedua-dua pihak perjanjian adalah khilaf mengenai sesuatu perkara fakta yang mustahak untuk perjanjian itu, maka perjanjian itu adalah batal.”

Kekhilafan bersama boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:³³

Pertama, kedua-dua pihak membuat khilaf yang sama mengenai kewujudan perkara pokok dalam kontrak dan kedua, kedua-dua pihak membuat khilaf yang berlainan sehingga masing-masing tidak memahami yang satu lagi.

Kekhilafan yang sama dilakukan oleh kedua-dua pihak mengenai kewujudan perkara pokok dalam kontrak boleh menyebabkan kontrak tersebut batal. Contohnya seperti A berjanji untuk menjual kepada B muatan barang-barang tertentu yang yang dijangka dalam perjalanan dari England ke Klang. Kemudiannya ternyata sebelum dari hari penawaran barang itu, kapal tersebut terdampar dan barang-barangnya hilang. Tiada satu pihakpun yang menyedari fakta ini. Perjanjian itu adalah batal.

Kekhilafan yang berlainan dilakukan oleh kedua-dua pihak sehingga masing-masing tidak memahami yang satu lagi. Kedua-dua pihak berunding dengan tujuan yang berlainan. Kekhilafan ini berlaku dalam kes *Rafless v. Wickehaus*³⁴ di mana tidak ada kapal yang bernama Peerless yang meninggalkan Bombay pada masa yang sama. Pembeli maksudkan yang ini, manakala penjual maksudkan yang lain. Mahkamah memutuskan bahawa kontrak tersebut batal kerana berlaku kekhilafan tersebut dalam kontrak.

Undang-undang Sivil Mesir 1949 juga mempunyai peruntukan mengenai perkara ini seperti dalam artikel 120:

“Apabila pihak yang berakad mengalami *ghalat jawhar i-*, maka harus bagi baginya menuntut supaya akad tersebut

dibatalkan dengan syarat pihak yang kedua juga mengalami keadaan yang sama (*ghalat*), ataupun ia mengetahui *ghalat* tersebut, atau ia amat mudah untuk membuktikan *ghalat* tersebut.”

Berdasarkan peruntukan di atas menunjukkan bahawa sesuatu akad yang mengalami *ghalat jawhar* *tidak* boleh dibatalkan dengan tiga syarat yang disebutkan. Syarat yang pertama menunjukkan *ghalat* berlaku dari dua belah pihak. Contohnya seorang yang membeli cincin yang disadur dengan emas dan ia yakin bahawa emas tulin. Kedua-dua mereka menganggap perkara yang sama. Oleh itu kekhilafan yang berlaku adalah kekhilafan bersama. Bahagian ini sama dengan pembahagian yang dibuat oleh Undang-undang Kontrak Malaysia. Dalam situasi sebegini kerugian sudah tentu dialami oleh pembeli kerana jika ia sudah mengetahui keadaan yang sebenar, sudah tentu ia tidak membelinya. Oleh itu Undang-undang Sivil Mesir 1949 memberi hak kepada ~~nya~~ untuk menuntut supaya akad dibatalkan.

Artikel 120 juga menetapkan bahawa *ghalat* yang berlaku pada satu pihak boleh dibatalkan jika satu pihak sahaja yang mengetahui *ghalat* tersebut seperti dalam permasalahan jam yang disadur. Dalam kes ini memadai bagi penjual mengetahui bahawa pembeli sememangnya menghendaki jam dari emas tulin sehingga ia melakukan akad.

Peruntukan ini berbeza dengan Undang-undang Kontrak Malaysia yang tidak membenarkan akad dibatalkan disebabkan khilaf dari satu pihak seperti yang disebut dalam seksyen 23.

Manakala syarat yang ketiga ialah pihak yang pertama mampu atau mudah untuk menerangkan dan membuktikan bahawa pihak yang kedua telah melakukan kekhilafan. Contohnya seorang membeli sebuah ukiran dengan harga seribu ringgit yang pada sangkaanya bahan artifak sejarah. Sedangkan bahan tersebut berharga sekitar lima atau sepuluh ringgit. Dalam keadaan sedemikian pembeli tersebut boleh menuntut supaya dibatalkan kerana sememangnya mudah untuk beliau membuktikan ukiran tersebut bukan barang sejarah.³⁵

Dalam fiqh Islam pada dasarnya, tidak boleh salah seorang yang berakad menuntut supaya akad tersebut dibatalkan. Ini disebabkan jualbeli termasuk dalam ‘*aqad l’azim* di mana kedua-dua pihak yang melakukan akad tidak boleh menfasakhkan akad yang dibentuk tanpa kerelaan dari kedua-dua pihak.³⁶ Ini bermakna satu pihak tidak boleh menfasakhkan atau membatalkan akad sesuka hatinya apabila ‘*aqad l’azim* dibentuk. Tetapi ‘*aqad l’azim* ini boleh dibatalkan jika mendapat persetujuan dari kedua-dua pihak dengan cara *khiy ar* dan *Iq alah*. *Khiy ar al-syarat* boleh digunakan boleh digunakan untuk menfasakhkan jualbeli tersebut. *Khiy ar al-syarat* ialah salah seorang atau kedua-dua orang yang berakad

mempunyai hak untuk meneruskan akad atau menfasakhkannya dalam tempoh masa tertentu, tetapi syarat tersebut perlulah dibuat semasa akad dibentuk.³⁷

Manakala *Iq alah* pula ialah satu pihak yang berakad merasa menyesal dengan akad yang dibuat dan menghendaki supaya akad tersebut dibatalkan. Manakala pihak yang kedua pula bersetuju dengan permintaannya tersebut.³⁸ Bagaimanapun *Iq alah* adalah sunat sahaja dalam fiqh Islam kerana membantu satu pihak yang merasa kecewa dengan akad yang telah dilakukan. Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud:³⁹

“Sesiapa yang melakukan *iq alah* kepada seorang Muslim yang lain maka Allah S.W.T akan mehilangkan kepayahan dan kesalahananya di Akhirat.”

4.4. Kesan-kesan *Ghalat* Pada Akad

Undang-undang muamalat Islam menetapkan bahawa kesan kontrak yang terdapat *ghalat* adalah batal, *khiy ar*, dan *Iq alah* seperti yang telah diuraikan di atas. Apabila sesuatu akad batal sememangnya ia tidak mempunyai apa-apa kesan samada dari segi perpindahan hak milik barang dari pembeli kepada penjual atau pemilikan harga barang kepada pembeli.⁴⁰ *Khiy ar* pula salah seorang atau kedua-dua pihak mempunyai hak untuk meneruskan akad atau menfasakhkannya.⁴¹ *Khiy ar* dalam permasalahan

ghalat ialah *khiy ar al-syarat* dan *khiy ar al-wasf*. Apabila berlaku *khiy ar al-syarat* kedua-dua pihak boleh menfasakhkan kontrak atau meneruskannya dalam tempoh yang disyaratkan dalam akad.⁴² Manakala *khiy ar al-wasf* pula pembeli mempunyai hak untuk menfasakhkan jualbeli atau mengekalkannya dengan harga yang ditetapkan dan berhak menuntut dari penjual kadar kekurangan barang yang dijual kerana barang yang dijual tiada mempunyai sifat yang disukainya.⁴³

Manakala Undang-undang Sivil Mesir 1949 menetapkan kesemua bahagian *ghalat* yang berlaku dalam sesuatu akad adalah boleh batal sahaja. Manakala dalam Undang-undang Kontrak Malaysia relif boleh dituntut jika berlaku *ghalat* iaitu pembatalan, penolakan perlaksanaan spesifik dan pembetulan.⁴⁴

Walaubagaimanapun dalam Akta Kontrak atau Relif Spesifik 1950 yang berkuatkuasa di Malaysia pada masa ini tidak ada peruntukan khusus yang menyatakan bahawa hak pembatalan itu akan hilang disebabkan perkara-perkara tertentu misalnya affirmasi kontrak (kesanggupan pihak yang tidak bersalah untuk meneruskan kontrak), luput masa, ketidakupayaan untuk mengembalikan pihak-pihak berkenaan kepada keadaan asal atau apabila hak pihak ketiga terjejas. Namun begitu, oleh sebab keputusan-keputusan yang dibuat oleh mahkamah Inggeris lazimnya diasaskan kepada ekuiti, tidak hairanlah bahawa keputusan-keputusan berikut dipakai dan diikuti sepenuhnya di Malaysia.⁴⁵

Pembatalan kontrak atau pembatalan ke atas terma-terma kontrak boleh dibuat dengan menunjukkan kepada mahkamah bahawa terma-terma tersebut berlawanan dengan kehendak pihak lain. Tetapi mahkamah tidak akan membuat pembatalan jika ia membawa kepada ketidakadilan kepada pihak yang ketiga. Mahkamah juga tidak akan membatalkan satu kontrak jika sekiranya silap satu pihak tidak disebabkan oleh tingkahlaku pihak yang tidak silap. Dalam kes *Riverlate Properties v. Paul*,⁴⁶ menunjukkan bahawa pembatalan ke atas terma-terma hanya boleh didapati jika terdapat silap yang sama oleh kedua-dua pihak, dan juga tidak boleh dibatalkan dalam kes-kes silap satu pihak atau silap satu pihak.

Perlaksanaan spesifik adalah remidi budibicara yang tidak diberikan sebagai suatu hak. Mahkamah selalunya tidak akan memberikan perlaksanaan spesifik sekiranya defendan membuat kontrak secara salah faham yang metarial dan kontrak itu berat sebelah yang tidak berpatutan bagi memaksa defendan mematuhi secara tertentu terhadap terma-terma kontrak, atau silap disebabkan oleh salah nyata yang dilakukan oleh plaintif atau, plaintif tahu tentang kesilapan plaintif.

Jika tiada syarat-syarat ini dipenuhi, maka silap tidak menjadi pembelaan kepada tindakan perlaksanaan spesifik.

Dalam kes *Tamplin v. James*,⁴⁷ mahkamah memutuskan bahawa kesilapan itu tidak boleh dijadikan alasan dan kontrak itu mestilah dijalankan

secara spesifik. Kes ini berkenaan dengan tempat penginapan dan kedai yang bersebelahan ditetapkan untuk dilelong. Suatu pelan menunjukkan keluasan harta tanah dipamerkan dalam bilik lelong. Harta tanah itu dijual pada James yang tidak melihat pelan itu tetapi menyangka bahawa lot itu termasuk taman bunga di belakang penginapan mereka. James berpendapat demikian kerana ia telah mengetahui bahawa penyewa penginapan tersebut sememangnya menggunakan kemudahan taman tersebut. Oleh itu mahkamah memutuskan bahawa kontrak tersebut adalah sah seperti yang disebut di halaman 87.

Mahkamah mempunyai kuasa untuk memperbetulkan suatu kontrak bertulis jualan tanah atau keluasan tanah bergantung kepada keterangan yang diberikan. Dalam kes *Oh Hiam & Ors v. Tham Kong*,⁴⁸ hakim berpuashati bahawa disebabkan kesilapan dari kedua-dua belah pihak terhadap suratcara pindahmilik tanah telah melibatkan sebidang tanah yang sepatutnya tidak termasuk dalam urusan pindahmilik itu. Keputusan ini telah disahkan oleh Majlis Privy.⁴⁹

Tetapi mahkamah dikehendaki berhati-hati apabila memerintahkan pembetulan suatu kontrak bertulis. Perintah sebegini tidak boleh dikeluarkan jika tujuannya untuk menulis semula kontrak yang telah dibuat oleh kedua-dua pihak. Jika satu pihak menyedari bahawa ia telah salahkira atau telah membuat telah membuat keputusan yang kurang bijak ketika membuat

kontrak tersebut, itu bukan satu alasan untuk mendapatkan perintah pembetulan.

Secara keseluruhannya kesan *ghalat* pada sesuatu kontrak menurut fiqh Islam, Undang-undang Sivil Mesir 1949 dan Undang-undang Kontrak Malaysia ialah batal, boleh batal, *fasakh*, *khiy ar*, *Iq alah* dan pembetulan. Konsep batal, *fasakh*, *khiy ar* dan *iq alah* dipelopori oleh fiqh Islam dalam menyelesaikan akad. Konsep boleh batal dipelopori oleh Undang-undang Sivil Mesir. Kontrak boleh batal (*q abilun til ibt al*) boleh dibatalkan oleh hakim apabila dituntut oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap kontrak.⁵⁰ Ia boleh juga dikekalkan dengan menghapuskan *keghalatan* yang ada pada sesuatu barang atau dinamakan sebagai remedi.⁵¹

Selain itu akad boleh batal dalam Undang-undang Sivil Mesir boleh diperbetulkan menjadi akad yang sah melalui *al-Ij azah* dan *al-Taq adum*.⁵² *Al-Ij azah*⁵³ ialah menggugurkan tuntutan untuk membatalkan kontrak. Manakala *al-taq adum*⁵⁴ ialah tamat tempoh masa untuk menuntut supaya akad dibatalkan. Tempoh masa yang ditetapkan pada *ghalat* adalah selama tiga tahun, bermula dari *ghalat* itu dikesan atau selama lima belas tahun bermula dari akad dibentuk. Perkara ini disebut dalam artikel 140 Undang-undang Sivil Mesir 1949:

"Hak untuk menuntut akad dibatalkan gugur apabila ada pihak yang tidak menggunakan hak tersebut dalam jangkamasa tiga tahun, tempoh tuntutan pada *ghalat* atau penipuan bermula dari hari *ghalat* ditemui. Paksaan pula

bermula dari paksaan itu hilang atau tiada. Keseluruhannya tidak harus menuntut hak supaya akad dibatalkan pada *ghalat*, penipuan atau paksaan apabila melebihi dari limabelas tahun dari hari akad dibentuk.”

Rujukan

1. Cheshire, G,C (Geoffrey Chevalier), *Fifoot and Furmston's, Law of Contract Singapore and Malaysia Edition*, Singapore: Andrew Phang Boo Leong Butterworths Asia, 1994, m.s. 349.
2. Sanh ḫur ī, `Abd Razzāq Ahmad, *al-Wasīt*, Kaherah: Matba`ah Hamburg, 1952, jil 1, m.s.299-305.
3. Salleh Buang dan Nordin Torji, *Undang-undang Kontrak di Malaysia*, Ampang Jaya: Central Law Books Corporation Sdn Bhd (CLBC), 1992, m.s. 163.
4. *Ibid*, m.s.163-165.
5. *Ibid*, m.s.166-167.
6. `Abd Fattah `Abd Bāqī, *Nazāriyyat al-`Aqd wa Irādah al-Munfaridah*, Kaherah: Matba`ah al-Nahdah, 1984, m.s. 468.
7. Mahkamah Mukhtalith ialah mahkamah yang diwujudkan pada tahun 1875 khusus untuk membicarakan kes-kes yang melibatkan warga tempatan dengan rakyat asing dalam urusan perdagangan dan dibubarkan pada tahun 1949 apabila Undang-undang Sivil Mesir diperkenalkan; Rujuk `Alī ī `Alī ī Mansūr, *al-Madkhāl al-`Ulūm al-Qānūniyyah wa al-Fiqh al-Islāmiyyah*, Beirut: Dārul al-Fath, 1971, m.s. 190.

8. Sanh ဗုဒ္ဓ အောင် ရအုန္တ၊ *Op. cit.*, *al-Wasīṭ*, jil 1, m.s. 299
9. [7 Jan. 1892], *Majmū'ah* 4, m.s. 99
10. [7 Feb. 1910], *Majmū'ah* 23, m.s. 29
11. Al-Sagoff, Syed Ahmad, *Principle of Law of Contract in Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1996, m.s. 168.
12. [1864] 2 H & C 906
13. John, C. Smith, Sir, *Contract of Law*, London: London Sweet & Maxwell Ltd of South, cet ke 2, (t.t), m.s. 184.
14. Salleh Buang dan Nordin Torji, *Op.cit.*, m.s 168.
15. [1874-1880] All ER Rep 1149
16. Major, W.T, *Undang-undang Kontrak*, Kuala Lumpur: International Law Book Service, 1990, m.s. 134.
17. [1971] 3 All ER 907
18. Major, W.T, *Op.cit.*, m.s. 137.
19. Sanh ဗုဒ္ဓ အောင် ရအုန္တ၊ *Al-Nazariyyat al-'Ammah li'l Ilāzām at Nazariyyat al-'Aqd*, Beirut: Darul Ihya' al-Thurath al-'Arabī, (t.t), m.s. 376.

20. [12 Mei. 1917], *Majmū'ah* 29, m.s. 426
21. Sanhur ḫ, `Abd Razzāq Ahmad, *Op.cit.*, *al-Wasīt*, jil 1, m.s. 301.
22. [1950] 1 All ER 175
23. Sanhūr ḫ, `Abd Razzāq Ahmad, Op.cit., *al-Wasīt*, jil 1, m.s. 307.
24. *Ibid*, m.s 305.
25. [1940] MLJ Rep 146
26. [1959] MLJ 113
27. Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim, *Sistem Undang-undang Di Malaysia*, Selangor: Percetakan DBP, cet ke 3, 1987, m.s. 91; Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Petaling jaya: Longman, cet ke 3, 1989, m.s. 35.
28. Sa`īd Hawā, *al-Asāfī al-Sunnah wa Fihqih al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dārul al-Salām, cet ke 2, 1992, jil 1, m.s. 94.
29. Awtar Singh, *Contract Law of Malaysia*, Singapore: Quins Pte Ltd, 1978, m.s. 80.
30. [1897] 15 Ch.D. 215

31. Wu Min Aun dan Beatrix Vohrah, *Undang-undang Perdagangan Malaysia*, Petaling Jaya: Longman, cet ke 4, 1990, m.s. 43.
32. Sinnadurai, Visu, *The Law of Contract of Malaysia and Singapore: Cases and Commentary*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, m.s. 269.
33. Wu Min Aun dan Beatrix Vohrah, *Op.cit.*, m.s 43-44.
34. [1864] 2 H & C. 906
35. 'Abd Fatt āh 'Abd B āq ī, *Op.cit.*, m.s. 315.
36. Muhammad Y ūsuf M ūs ā, *al-Fiqh al-Islam i Madkhal li Dir āsah Niz ām Mu` āmal āt*, Kaherah: D ārul al-Kitab al-'Arab ī, cet ke 3, 1957, m.s. 422.
37. Badr ān Ab ū 'Aynayn Badr ān, *al-Syar īāh al-Isl āmiyyah Tarikhuh ā wa Naz āriyy āt al-Milkiyyah wa al-'Uq īd*, Iskandariah: Mu'assasah al-Syab āb al-J āmi'ah, (t.t), m.s. 527.
38. Muhammad Y ūsuf M ūs ā, *Op.cit.*, m.s. 487.
39. Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim, *'Awn al-Ma'b īd Syarh Sunan Ab ī Daw īd*, Beirut: D ārul Nahdah al-'Arabiyyah, (t.t), m.s. 479.
40. Badr ān Ab ū 'Aynayn Badr ān, *Op.cit.*, m.s. 485.

41. *Ibid*, m.s. 525.

42. *Ibid*, m.s. 532.

43. Al-Zuhayl ī, Wahbah, *Op.cit.*, m.s. 534.

44. Major, W.T, *Op.cit.*, m.s. 138.

45. Salleh Buang dan Nordin Torji, *Op.cit.*, m.s. 173.

46. [1975] Ch. 133

47. [1880] 15 Ch. D. 55

48. [1980] 2 MLJ. 159

49. Salleh Buang dan Nordin Torji, *Op.cit.*, m.s. 174.

50. `Abd Fatt āh `Abd B āq ī, *Op.cit.*, m.s. 134.

51. *Ibid*, m.s. 470.

52. *Ibid*, m.s. 473.

53. *Ibid*.

54. *Ibid*, m.s. 478.